

'Najib teruja beritahu dapat bantuan dana'

Bekas duta dakwa bekas PM maklum sendiri selepas mesyuarat dengan Raja Abdullah

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Bekas Duta Malaysia ke Arab Saudi, Profesor Datuk Syed Omar Syed Mohamad Al-Saggaf memberitahu Mahkamah Tinggi, di sini semalam Datuk Seri Najib Razak begitu teruja apabila memberitahunya bahawa beliau berjaya mendapatkan bantuan dana daripada pemerintah Arab Saudi.

Syed Omar ketika memberikan keterangannya, berkata perkara itu dinyatakan Najib kepadanya sendiri sejurus selepas mesyuarat penting dengan Raja Arab Saudi, Almarhum Raja Abdullah Abdul Aziz Al-Saud yang diatitkan di Istana Riyadh pada 11 Januari 2010.

Saksi kelima pembelaan itu berkata, beliau dimaklumkan sendiri bekas Perdana Menteri itu sejurus mesyuarat tamat, iaitu ketika mereka keluar dari Dewan Mesyuarat menuju ke kenderaan rombongan Malaysia.

Syed Omar berkata, terdahulu ketika Raja Abdullah dan Najib berjalan keluar dari dewan, beliau nampak mereka bersalaman

dan pada ketika itu, Najib yang juga bekas Menteri Kewangan begitu teruja.

"Najib kemudian datang ke arah saya dan beritahu, 'kita telah berjaya, kita dapat bantuan dana'.

"Mesyuarat ini bukan mudah untuk diaturkan dan memakan masa begitu lama untuk ditetapkan tarikhnya. Saya selaku Duta Besar mengetuai Kedutaan Malaysia untuk merealisasikan pertemuan ini.

"Hasilnya, seingat saya, pada 11 Januari 2010 satu mesyuarat secara tidak rasmi (tertutup) telah diadakan. Lawatan rasmi Perdana Menteri bermula hanya pada 13 Januari 2010 hingga 16 Januari 2010," katanya.

Syed Omar berkata, Najib dan hampir separuh daripada rombongan beliau tiba lebih awal dari tarikh lawatan rasmi.

Tidak dengar perbualan

Sementara itu ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Kamal Baharin Omar pada sesi pemeriksaan balas, Syed Omar bersetuju bahawa beliau tidak mendengar perbualan di antara Raja Abdullah dan Najib kerana berada jauh di belakang

mereka ketika itu.

Syed Omar juga berulang kali menyatakan 'apa tak tau' apabila disoal Kamarul Baharin mengenai jenis bantuan dana yang akan diberikan kerajaan Arab Saudi.

Katanya, beliau juga tidak tahu sama ada Malaysia yang meminta pertolongan bantuan dana berkenaan.

Saksi turut menjelaskan, walaupun pertemuan itu diklasifikasikan sebagai mesyuarat tidak rasmi, ia berlangsung dengan mengikuti agenda.

Antara agenda terbabit ialah, isu kuota jemaah haji Malaysia, pertolongan bantuan dana dan perbincangan pergolakan politik di negara Islam yang sedang memuncak (yang kemudian akhirnya melarat sehingga mencetuskan *Arab Spring* pada akhir 2010).

Najib membela diri terhadap empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperolehi suapan RM2.3 bilion dalam dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram memabitkan jumlah sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim, Datuk Collin Lawrence Sequerah di Istana Kehakiman bersambung Rabu ini.

"Najib kemudian datang ke arah saya dan beritahu, 'kita telah berjaya, kita dapat bantuan dana'

Syed Omar Syed Mohamad Al-Saggaf,
Bekas Duta Malaysia ke Arab Saudi

